

GST VS SST: KUTIPAN TIDAK PATUH SYARIAH

Selepas kemenangan Pakatan Harapan (PH), antara manifesto yang menjadi tumpuan adalah penghapusan GST dan pengenalan semula SST. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan oleh kerajaan BN pada kadar 6 % menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Kini, kerajaan PH telah mengumumkan kadar 0% GST bermula 1 Jun 2018, sedikit berbeza dari penghapusan GST yang dijanjikan sebelumnya, dengan harapan ia akan dapat mengurangkan beban rakyat meskipun langkah ini akan mengurangkan kadar pendapatan cukai negara. Pada masa yang sama, kadar hutang negara dikatakan telah mencecah RM 1 trillion. Bagi mengurangkan hutang ini ada ura-ura untuk menyenaraikan syarikat Petronas dalam Saham Terbitan Awam (IPO). Dengan penjualan minimum 25% saham Petronas (syarat minimum untuk penyenaian), setidaknya kerajaan dapat memperoleh sehingga RM 200 billion. Ura-ura ini telah mengundang pelbagai kritikan dari kalangan ahli ekonomi dan rakyat secara umumnya.

Segala isu ini timbul kerana cukai dan hutang berkait rapat dengan pendapatan dan pengeluaran negara dalam menguruskan hal ehwal rakyat. Cukai merupakan amalan sistem Kapitalisme dalam menjana pendapatan negara manakala berhutang adalah bagaikan satu "kewajiban" dalam rangka membangunkan negara. SN kali ini akan membincangkan perspektif Islam dalam persoalan pendapatan dan perbelanjaan negara.

Cukai Dalam Perspektif Islam

Cukai secara umum termasuk dalam kategori yang disebutkan sebagai *maks* yang diharamkan oleh Islam seperti yang diungkapkan dalam hadis:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ صَاحِبٌ مَّكْسٍ

"Tidak akan masuk syurga para pengutip cukai" [HR. Abu Daud, Ahmad dan Ad-Darimi].

Menurut Imam Ahmad dan Ibn Ishaq, *sâhib maksin* adalah orang yang memungut *'usyr* (kutipan nisbah per sepuluh). Di sini *'usyr* adalah *maks*, jamaknya *mukûs*, iaitu cukai. Cukai yang dikenakan merupakan kezaliman terhadap harta milik individu, yang memerlukan kerelaan dan keredaannya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"*Sesungguhnya orang yang beriman adalah bersaudara, tidak halal bagi seorangpun mengambil harta saudaranya melainkan dengan kerelaannya*" [HR. Bukhari dan Muslim].

Namun begitu, terdapat beberapa jenis kutipan khusus yang dikira sebagai cukai tetapi berdasarkan pada kewajiban dan keizinan syariat. Kutipan tersebut dikategorikan sebagai *jizyah*, *'usyr*, *kharaj* dan *dharibah*.

Jizyah adalah kutipan khusus yang dikenakan terhadap kafir *zimmi* (orang kafir yang menjadi rakyat Negara Islam) berdasarkan dalil Surah al-Taubah ayat 29. Kutipan ini adalah hak

yang Allah SWT berikan kepada kaum Muslimin daripada orang-orang kafir sebagai tanda bahawa mereka tunduk kepada kekuasaan Islam dan negara wajib melindungi jiwa dan harta mereka [Abdul Qadim Zallum, *Al-Amwal fi Daulah al-Khilafah*].

'Usyr pula mempunyai beberapa maksud bergantung pada konteks penggunaannya termasuklah cukai *maks*. *'Usyr* yang dikategorikan sebagai kutipan cukai yang diizinkan adalah bayaran yang dikenakan terhadap dagangan *ahlul harbi* (perdagangan rakyat negara kafir) sebagai balasan setimpal terhadap pungutan mereka kepada pedagang Muslim. Sebagai tambahan, *'usyr* juga dikenakan kepada kafir *zimmi* jika terdapat klausa tersebut dalam perjanjian *zimmah* antara mereka dan negara. Dalilnya adalah *ijmak* (kesepakatan) sahabat ketika zaman Umar al-Khattab RA. [An-Nabahani, *Nizham al-Iqtishad fi al-Islam*].

Bagi *kharaj*, Syeikh Abdul Qadim Zallum mendefinisikannya sebagai hak umat Islam ke atas tanah yang diperoleh (dan menjadi bahagian dari *ghanimah*) daripada orang kafir baik melalui peperangan mahupun perjanjian damai [Al-Amwal fi Daulah al-Khilafah]. Bayarannya dikenakan pada tanah yang dikategorikan sebagai tanah *kharajiyah*, iaitu tanah yang dibuka dan dibebaskan dengan ekspedisi jihad. Tanah tersebut tetap diserahkan kepada pemilik asalnya, tidak dibahagi-bahagikan dan status tanah *kharajiyah* tetap berlaku walaupun penduduknya kemudian memeluk agama Islam [An-Nabahani, *al-Syakhsiyah al-Islamiyah*, jilid 2]. Dalilnya adalah surah al-Hasyr ayat 7 hingga 10 dan dari kesepakatan sahabat pada zaman Umar RA.

Kategori terakhir adalah *dharibah* dan ia merupakan kutipan yang dikenakan negara terhadap rakyat dalam rangka menampung kekosongan *Baitul Mal*. *Dharibah* tidak dikenakan sesuka hati tetapi wajib memenuhi beberapa syarat iaitu; 1) bersifat sementara; 2) dipungut daripada umat Islam sahaja; 3) dipungut dari Muslim yang kaya; 4) untuk menampung perbelanjaan yang asalnya merupakan satu kewajiban ke atas kaum Muslimin seperti perbelanjaan untuk jihad dan yang perkara yang terkait dengannya, perbelanjaan untuk fakir-miskin-*ibnu sabil*, gaji para penjawat awam, bencana alam dan keperluan darurat; 5) dipungut pada kadar yang diperlukan sahaja [Al-Waie, Mei 2005]. *Dharibah* ini hanya dikutip ketika dana *Baitul Mal* telah habis dibelanjakan oleh negara dalam menjalankan tanggungjawabnya sehingga tidak mencukupi untuk menampung salah satu atau beberapa kewajiban seperti yang disebutkan. Dalil dalam mengenakan *dharibah* ini diambil dari keumuman hadis;

"Tidak boleh mencelakakan orang lain dan tidak boleh mencelakakan diri sendiri" [HR Ibn Majah dan Ahmad].

Adayang berhujah bahawa GST atau SST atau pelbagai macam cukai yang lain dalam sistem Kapitalisme dibenarkan syarak atas alasan kemaslahatan negara bahkan ada yang menganggapnya sebagai jihad harta.

Mereka yang beranggapan sebegini mendasarkan pandangan mereka kepada dalil mengenai *jizyah*, *kharaj*, *'usyur* bahkan *dharibah*. Perlu diketahui, sebagaimana yang dijelaskan sebelumnya, hukum asal cukai termasuk *maks* adalah diharamkan oleh Allah SWT, sedangkan *jizyah*, *kharaj*, *'usyur* dan *dharibah* adalah kutipan khusus yang langsung tidak ada kaitannya dengan kutipan cukai yang dijalankan dalam sistem Kapitalisme. Bayaran tambahan selain zakat yang diwajibkan atau diizinkan syarak hanyalah empat perkara tersebut, tiada yang lain. GST atau SST atau cukai-cukai lain dalam sistem hari ini tidak boleh dianalogkan dengan empat kategori cukai yang dibenarkan dalam Islam. Alasan masalah yang digunakan adalah sangat subjektif bahkan tanggapan bahawa cukai hari ini adalah satu bentuk jihad harta tersasar jauh dari permasalahan sebenarnya!


Pendapatan Negara Dalam Kacamata Islam

Pendapatan dan sumber kewangan Negara Islam terdiri daripada zakat, *fa'i* (*anfal*, *ghanimah*, *khumus*), *kharaj*, *jizyah*, pengelolaan harta milik umum, harta negara, harta tidak sah dan terlarang, harta orang murtad, *'usyur*, seperlima *rikaz*, harta tanpa waris, dan *dharibah*. Jika dikelaskan, pendapatan tetap adalah daripada zakat (hanya untuk lapan asnaf), *jizyah*, *kharaj* dan harta negara. Harta milik umum adalah tanggungjawab negara dari sudut pengelolaan sahaja bukan kepemilikan. Oleh itu, harta galian seperti petroleum adalah merupakan harta milik umum dan tidak boleh diswastakan kepada pihak tertentu. Hasil dari harta ini mesti dikembalikan keuntungannya kepada warganegara dalam menjaga kemaslahatan mereka. Negara juga tidak boleh memiliki harta ini secara mutlak tetapi harus bertindak sebagai pengelola semata-mata. Penyenaraian Petronas dalam bursa saham sebagai contoh, hanya akan menjadikan keuntungan hasil galian berlegar secara eksklusif buat pemegang saham. Ini sudah tentu menyalahi hukum harta awam dalam Islam, apatah lagi mengambil kira permasalahan saham secara *syari'*. Disebabkan penerapan sistem Kapitalisme, sistem percukaian merupakan tonggak asas perekonomian negara. Jika suatu cukai dimansuhkan atau dikurangkan, maka pendapatan negara akan merosot dan pelbagai cara lain, dalam rangka sistem Kapitalisme, perlu dicari bagi menampung kekurangan ini. Maka muncullah idea untuk memperdagangkan harta milik negara atau milik umum di mana pelbagai bentuk kepemilikan dapat diswastakan, atau diniagakan kepada pihak luar. Ini adalah suatu yang sangat bertentangan dengan Islam.

Selama mana sistem Kapitalisme masih diterapkan, selama itulah kita tidak akan terlepas dari kerangka berfikir yang menjadikan cukai sebagai sumber pendapatan terbesar negara. Hakikatnya, negara mampu menjana pendapatan dari pelbagai sumber lain seperti petroleum dan hasil semulajadi lainnya sekiranya ia dikelola secara *syari'*. Ini belum lagi mengambil kira sumber manusia negara yang sekiranya digarap dengan cara yang benar dan efektif akan dapat melahirkan masyarakat yang kreatif, progresif dan berdaya saing tinggi. Cara berfikir dalam pengelolaan ekonomi negara harus diubah. Sekiranya negara benar-benar inginkan kesejahteraan untuk rakyat, perekonomian harus dikembalikan kepada syariat Islam – dengan fokus terhadap pengagihan kekayaan dan bukannya semata-mata peningkatan produksi barangan. Setiap keperluan asas warganegara mesti dipenuhi dengan pengagihan harta yang efektif dan efisien. Dalam pada masa yang sama, negara juga harus menyediakan peluang bagi rakyat untuk meraih keperluan sekunder dan menikmati kualiti kehidupan yang tinggi. Islam telah menyediakan kerangka kenegaraan yang membolehkan umat mencapai taraf berfikir dan kehidupan yang tinggi. Ini hanya akan dapat dicapai sekiranya Islam diterapkan secara menyeluruh di bawah Negara Khilafah atas jalan kenabian, *insyaAllah*. **Wallahu a'lam.**

Perang Ahzab Meniti Kemenangan Hakiki

Setiap tahun umat Islam akan mengumandangkan kalimah takbir, tahlil dan tahmid seiring dengan berakhirnya bulan suci Ramadhan dan datangnya 1 Syawal 1432 H. Laungan ini sesungguhnya merupakan ungkapan kemenangan yang diraih umat Islam setelah menjalankan ibadah *shaum* di bulan Ramadhan. Ramai umat Islam merasa telah layak diberi gelaran takwa dan meraih kemenangan setelah melaksanakan *shaum* sebulan penuh. Pernahkah kita tanyakan kepada diri sendiri, adakah *shaum* kita telah berjaya? Apa ukuran kejayaannya? Rasulullah SAW dan para sahabat telah melalui sembilan kali Ramadhan dengan penuh kebersamaan. Sungguh, mereka telah melewati bulan Ramadhan dengan pelbagai macam peristiwa yang dapat dijadikan contoh pengorbanan dan penyerahan diri kepada Allah SWT.



Perang Ahzab [Khalil, Atlas of the Qur'an]

Menelusuri sejarah, lantunan takbir selalu dikumandangkan ketika kaum Muslimin meraih kemenangan. Inilah takbir yang dikumandangkan pertama kali saat Perang Ahzab yang mana kaum Muslimin yang hanya berjumlah 3000 orang berhadapan dengan tentera pakatan (Ahzab) kafir Quraisy beserta beberapa kabilah Yahudi dan Arab di sekitar Makkah berjumlah 10000 orang. Allah SWT mengabadikan kisah perang ini dalam al-Quran menunjukkan perihal penting dan banyaknya pelajaran yang dapat diambil dari kisah perang Ahzab. Perang ini juga membezakan sifat dan keadaan kaum yang beriman [Al-Ahzab:33] dengan kaum munafik [Al-Ahzab:12]. Bagaimana kekhawatiran dalam jiwa orang munafik, dan sifat pengecut serta tidak adanya keyakinan kepada Allah ta'la ketika datang ujian. Bahkan, selain berusaha untuk meminta izin kepada Rasulullah untuk pulang ke rumah mereka –dengan alasan rumah mereka kosong, terbuka untuk musuh- mereka juga berusaha memaksa dan memprovokasi kaum Muslimin untuk mengikuti mereka. Hal ini tidak lain karena ketakutan mereka terhadap kematian.

Maha Perkasa Allah yang telah menurunkan ribut pada malam itu yang telah memecah dan memporak-porandakan barisan musuh dan segala kelengkapan serta peralatan mereka. Kaum kafir telah berjaya dikalahkan semata-mata dengan kekuatan dan pertolongan Allah yang Maha Esa. Inilah di antara janji Allah kepada kaum Muslimin iaitu kemenangan kepada mereka yang menolong agamaNya. Kuat mana sekalipun golongan yang menentang agama Allah, sesungguhnya amat mudah bagi Allah untuk menghancurkan mereka. Firman Allah SWT, "Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu" [TMQ Muhammad (47):7].

Adakah kita telah benar-benar berusaha untuk menegakkan agama Allah? Marilah kita tunduk dengan penuh kerendahan hati, berdoa agar diberikan *taufiq* dan hidayah.